

No. Sebut harga : SHP.PMSWK/01/2020



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Keterangan Aset	No. Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit Sebut Harga
Jenis Aset : Kenderaan Model: Toyota Land Cruiser No. Casis: UZJ200-4003253	QSG 6999	Satu (1) unit	RM 50,000	RM 2,500

2. Aset boleh dilihat pada **4 November 2020 (Rabu) hingga 10 November 2020 (Selasa)** hari bekerja di antara jam **10.00 pagi hingga 4.00 petang** di **Tempat Parkir, Kompleks Bangunan Sultan Iskandar**.
3. **Temu janji hendaklah dibuat terlebih dahulu dengan menghubungi 082-421333 (Seksyen Kawalan dan Pemantauan).**

Pegawai Dihubungi: i) Puan Constance Gerunsin
ii) Puan Candice Rennie
iii) Encik Cassidy Budit
iv) Puan Augusta Perada

4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **SHP.PMSWK/01/2020** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, 93592, Kuching, Sarawak**

6. Tarikh tutup sebut harga pada **16 November 2020 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


Mohd Saiful Sungkih Bin Abdullah
Pegawai Kewangan Persekutuan

Alamat: Perbendaharaan Malaysia Sarawak
Tingkat 16, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga, 93592, Kuching, Sarawak

Tarikh: 30/10/2020
Cap:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran iaitu sebanyak RM2,500. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Pegawai Kewangan Persekutuan (Perbendaharaan Malaysia Sarawak)**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.